

Khamis – 10 Disember 2020

Halaman : 32

# Covid-19: Orang Asli bina sekatan sendiri

Oleh AIMUNI TUAN LAH

utusannews@mediamulia.com.my

**GUA MUSANG:** Berikutan kesedaran yang tinggi bagi mengelak jangkitan Covid-19 merebak di kawasan perkampungan, Orang Asli suku kaum Temiar di Pos Tuel di sini mengambil inisiatif dengan membuat sekatan jalan bagi mengelak orang luar masuk ke kampung mereka.

Penduduk di situ bersepakat terus membuat sekatan di jalan masuk ke penempatan mereka walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah berakhir 6 Disember.

Penghulu Pos Tuel, Halim Shariff berkata, di sekeliling kampung itu dibina palang kayu bagi memantau dan menyekat

pergerakan orang luar.

Katanya, masyarakat Orang Asli walaupun tinggal di kawasan pedalaman sangat bimbang dengan ancaman Covid-19 selepas melihat bilangan individu yang positif terus meningkat sehingga 1,000 kes setiap hari.

"Kita melakukan sekatan jalan masuk ke kampung dengan dikawal dua penduduk yang akan berjaga bergilir-gilir mulai pukul 8 pagi hingga 6.30 petang setiap hari.

"Selepas pukul 6.30 petang, laluan jalan masuk ke kampung ini ditutup. Penduduk sendiri juga tidak dibenarkan keluar masuk demi

menjaga keselamatan diri dan keluarga.

"Mereka hanya dibenarkan keluar jika berlaku kecemasan seperti menerima rawatan di hospital," katanya ketika ditemui di Pos Tuel di sini semalam.

Halim memberitahu, penduduk Orang Asli risau apabila ramai orang luar menggunakan jalan kampung mereka untuk menuju ke ladang.

Katanya, sejak diadakan sekatan dua bulan lalu, belum berlaku kejadian tidak diingini.

**ORANG ASLI**  
memantau kenderaan  
keluar masuk dari Pos  
Tuel, Gua Musang.  
Kelantan. -UTUSAN/  
AIMUNI TUAN LAH

